

19 JUNE 2000

G15-Sidang Kemuncak

SIDANG KEMUNCAK G15 BERMULA DENGAN SERUAN PERBAHARUI KERJASAMA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

CAIRO, 19 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin G15, satu perkumpulan 17 negara membangun, memulakan sidang kemuncak mereka di sini, hari ini, dengan memperbaharui janji bagi meningkatkan kerjasama dalam menghadapi isu-isu global.

Semasa merasmikan sidang kemuncak itu, presiden Mesir Hosni Mubarak yang merupakan tuan rumah menekankan yang negara-negara anggota perlu meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Sementara menyeru kepada mereka supaya bersatu dalam menghadapi cabaran globalisasi, beliau berkata terdapat keperluan untuk meningkatkan dialog antara G15 dan perkumpulan-perkumpulan global yang lain khususnya dari negara-negara maju.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan antara sembilan ketua kerajaan yang menghadiri sidang kemuncak dua hari itu, yang dianjurkan bagi kali kedua oleh Mesir dengan kali terakhir pada 1998.

Sebanyak lima negara diwakili oleh naib presiden dan tiga lagi oleh Menteri Luar mereka.

Mubarak berkata, oleh kerana ia merupakan ulangtahun ke 10 persidangan itu dan pertama kali diadakan di abad baru ini, ia akan memberikan peluang kepada anggota-anggota G15 dari Asia, Afrika, Amerika Selatan dan the Caribbean untuk mempertingkatkan lagi kerjasama.

"Abad baru ini membawa harapan baru dan aspirasi," kata Mubarak yang bercakap dalam bahasa Arab. Selain Malaysia dan Mesir, anggota lain G15 ialah Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela and Zimbabwe.

Pemimpin-pemimpin yang bersidang di sini akan memutuskan sama ada menerima Iran dan Colombia ke dalam perkumpulan itu yang mengadakan sidang kemuncak pertamanya di Kuala Lumpur pada 1990.

Selepas Mubarak berucap di sesi pembukaan, Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo yang baru-baru ini mempengerusikan Kumpulan 77 (G77) negara-negara membangun di Cuba, berucap bagi pihak negara-negara Afrika sementara Perdana Menteri Jamaica P.J.Patterson, yang menjadi tuan rumah sidang kemuncak G15 tahun lepas, mewakili negara-negara Amerika Selatan dan Caribbean.

Beliau berkata, kerjasama selatan-selatan merupakan mekanisme yang berkesan daripada segi kos bagi mendapatkan pengetahuan dan teknologi. "Lebih-lebih lagi kerjasama seperti itu akan membolehkan kita melindungi kepentingan perdagangan bersama dan menyediakan kerjasama sebenar dengan Utara," kata beliau lagi.

Bercakap bagi pihak negara-negara Asia, Naib presiden India Krishan Kant berkata, keadaan ekonomi global telah menunjukkan pemulihan sejak sidang kemuncak G15 yang lepas di Montego Bay tahun lepas.

"Negara-negara Asia telah keluar daripada krisis hasil pengurusan cermat ekonomi di samping disiplin dan kawalan diri.

Selepas sesi pembukaan, para pemimpin itu menghadiri sesi penggambaran sebelum meneruskan dengan sesi pleno tertutup.

Mereka kemudian bertolak ke Mirage Golf Club Resort dekat sini untuk meneruskan perbincangan dan beristirehat. Indonesia, yang akan menjadi tuan rumah sidang berikut diwakili oleh Presidennya Abdurrahman Wahid.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe juga menghadiri sidang kemuncak itu bersama muka-muka baru seperti presiden Argentina Dr Fernando De la Rúa dan Presiden Abdou Laye Wade dari Senegal.

-- BERNAMA

AZZ PR

